NAJAHA
International Journal of Learning and Education

Tahap Serta Hubungan Amalan dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Kelas al-Qur'an dan Fardhu Ain (GPI-KAFA)

Mohammad bin Abu Bakar[1], Mohd. Aderi Che Noh*[2], Mohd. Waffi Albaraq Bin Mokmin Basri*[2]
[12]Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
[3] Program Studi Pendidikan Agama Islam, Universiti Muhammadiyah Ponorogo Indonesia
*aderi@usim.edu.my

Received: 2023-February-15
Rev. Req: 2023-March-09
Accepted: 2023-April-24

This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution 4.0 International license(https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

ABSTRACT: *Effective teaching and learning of the Quran and Fardhu Ain classes can be achieved through quality pedagogical practices. Islamic Education teachers for Quran and Fardhu Ain classes (GPI KAFA) play a vital role in improving the level of pedagogical teaching based on Islamic thinking. Increasing knowledge in pedagogical teaching can create a new line of pedagogy in KAFA Education. The purpose of this study is to identify the elements of teaching practices, teaching skills, communication skills, and teacher personality among GPI KAFA. This study is a quantitative study that obtained data through questionnaire data collection. The study involved 104 GPI KAFA teachers in the state of Selangor. Descriptive statistics, including mean, percentage, frequency, and standard deviation, were used to report the findings of this study. The findings show that the mean for all four constructs is at a high level; teaching practices (mean: 4.53, sd: 0.370), teaching skills (mean: 4.27, sd: 0.366), communication skills (mean: 4.69, sd: 0.463), and personality (mean: 4.69, sd: 0.366). The implications of this study are to increase pedagogical skills and social competence in teaching. This study has a positive impact on empowering GPI KAFA through continuous training and pedagogical skills*.

Pengajaran dan pembelajaran Kelas al-Quran dan Fardhu Ain yang berkesan dapat direalisasi melalui amalan pedagog pengajarai yang berkualiti. Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA) perlu berperanan dalam meningkatkan tahap pedagogi pengajaran berasaskan pemikiran Islam. Peningkatan ilmu dalam pedagogi pengajaran ini mampu membina jajaran baru dalam pedagogi Pendidikan KAFA. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen amalan pengajaran, kemahiran pengajaran, kemahian komunikasi dan personaliti guru dalam kalangan GPI KAFA. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan memperolehi data melalui kutipan data soal selidik. Kajian ini telah melibatkan 104 orang GPI KAFA di negeri Selangor. Statistik deskriptif iaitu min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai digunakan bagi melapor dapatan kajian ini. Dapatan menunjukkan bahawa min pada keempat-empat konstruk berada pada tahap tinggi; amalan pengajaran (min:4.53, sp:0.370), kemahiran pengajaran (min:4.27, sp:0.366), kemahiran komunikasi (min:4.69, sp:0.463) dan personaliti (min:4.69, sp:0.366). implikasi daripada kajian ini ialah peningkatan kepada kemahiran pedagogi dan kecekapan sosial dalam pengajaran. Kajian ini memberi kesan positif dalam memperkasa GPI KAFA melalui keperluan latihan dan kemahiran pedagogi yang berterusan.

Keywords: *Pedagogy of Teaching, Teaching Practices, Teaching Skills, Communication Skills, Teacher Personality.*

I. PENDAHULUAN

Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dilaksanakan di bawah penyelarasan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Agensi Bertanggungjawab Negeri. JAKIM telah menetapkan bahawa 6 bidang utama kurikulum KAFA yang diterapkan dalam Pendidikan KAFA dan ia perlu diambil perhatian dalam memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan (Atan Long, 1983; Esah Sulaiman, 2004; Kamarul Azmi et al., 2012; JAKIM 2016; Hiryanto, 2017; Rosnani, 2018). Falsafah KAFA menjelaskan bahawa "Pengajian al-Quran dan fardhu ain adalah satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk murid-murid ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras kehendak al-Quran dan as-Sunnah" (JAKIM, 2014).

Pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran GPI KAFA perlu selaras dengan Pendidikan Islam dalam membina akhlak sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Ghazali (Ihya' Ulum ad-Din) dan Sheikh Profesor Dr. Abdullah Nasih Ulwan (Tarbiyatul Aulad). Fitrah manusia mempunyai kekurangan yang perlu diperbaiki. Maka bagi umat Islam Rasulullah SAW adalah sandaran guru unggul yang perlu diteladani sama ada dari aspek metodologi pengajaran mahupun aspek sosial Rasulullah SAW dalam Pendidikan. Perkara ini sudah pasti memberi impak positif kepada integriti GPI KAFA dalam meningkatkan profesionalisme dalam diri mereka.

Pendidikaan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) telah dilaksana bermula dari tahun 1990 serta dilaksanakan di pelbagai premis seperti surau, masjid, balai raya dan sekolah kebangsaan. Berdasarkan kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan laporan daripada Jabatan Audit Negara mendapati antara isu yang menjadi perhatian adalah dalam aspek pedagogi guru iaitu amalan pengajaran, kemahiran pengajaran dan kemahiran komunikasi Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA).

GPI KAFA kurang mahir dalam ilmu pedagogi merupakan kesan kepada pengajaran dan pembelajaran GPI KAFA berada di tahap sederhana (MAMPU 1996; UPM 2002; Jabatan Ketua Audit Negara 2014; JAKIM 2016). Ini kerana berdasarkan pemantauan ke atas pengajaran dan pembelajaran (PdP) GPI KAFA mendapati bahawa mereka amat memerlukan pengukuhan khususnya dari aspek pedagogi bagi memastikan mereka memahami pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran berkesan.

GPI KAFA juga perlu mempelajari kemahiran sosial dalam pendidikan agar dapat membina kecekapan sosial (social intelligence) dalam diri mereka (Amjad, 2021; Mawil Izzidien, 2021). Berilmu tetapi tidak berkemampuaan dalam aspek komunikasi dan sosial akan memberi kesan dalam hubungan guru sama ada dengan pihak pengurusan, pentadbir, ibu bapa, rakan sekerja dan juga murid.

II. KAJIAN PUSTAKA

Guru Berkualitas

Pengkaji telah mengadaptasi teori guru berkualiti berasaskan pemikiran imam al-Ghazali (Ihya' Ulumuddin), Model Pengajaran dan Pendekatan Sosial Rasulullah SAW (Noornajihan dan Ab. Halim, 2012). Gambar 1 menunjukkan model guru cemerlang menurut al-Ghazali dan ini

menjelaskan bahawa GPI KAFA perlu memiliki ilmu (amalan), kemahiran dan keperibadian (personaliti) yang kukuh dalam mencapai hasrat guru cemerlang. Ia juga merupakan asas kepada pembentukan keperibadian dan peningkatan ilmu pedagogi dalam Pendidikan Islam. Aspek komunikasi juga dilihat sebagai salah satu perkara penting dalam menyampaian pengajaran yang berkesan. Keempat-empat konstruk kajian ini juga dikaitkan dengan ciri-ciri Model Guru Cemerlang berdasarkan rajah di bawah.



Gambar 1. Teori Guru Berkualitas

Amalan Pengajaran

Kajian JAKIM (2015) terhadap 1441 orang GPI KAFA berkaitan Profesionalisme GPI KAFA mendapati secara keseluruhannya peranan JAKIM perlu dipergiat ke arah melahirkan GPI KAFA yang profesional dalam ilmu pedagogi khususnya dalam aspek amalan dan kemahiran pengajaran. GPI KAFA perlu diberikan latihan komprehensif serta pemantauan secara berkala bagi membantu guru dalam meningkatkan kemahiran mereka pada setiap masa. Kajian ini juga bertepatan dengan kajian oleh JAKIM (2016) berkenaan Keberkesanan KAFA di Malaysia yang mendapati selain aspek peningkatan ilmu pedagogi guru yang perlu ditambah baik. Berdasarkan kajian ini dan kajian-kajian lepas yang dilaksanakan oleh JAKIM dari dari tahun 1996 sehingga 2017 menunjukkan aspek amalan pengajaran GPI KAFA perlu dimantapkan dari semasa ke semasa.

Kemahiran Pengajaran

Kajian Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi (2019) melalui kajiannya mendapati inovasi dan kaedah pengajaran mempunyai peranan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kaedah Yadun dengan menggunakan lima jari dengan menetapkan lima hukum tajwid yang disusun melalui tiga tahap dapat membantu memberi kefahaman kepada murid yang sebelumnya merasa sukar untuk faham. Ini menunjukkan bahawa kemahiran guru mampu membentuk amalan pengajaran berkesan kepada murid.

Kemahiran Komunikasi

Kajian Noor Shamsinar et al. (2019) kemahiran komunikasi merupakan elemen penting dalam pedagogi dan pengajaran. Komunikasi bukan lisan memiliki peranan tersendiri dalam menjadikan kualiti aktiviti pengajaran dapat dipertingkatkan. Kajian mendapat kerana kurangnya guru pendidikan Islam mengaplikasi komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab di dalam bilik darjah. Elemen komunikasi ini adalah elemen wajib dipelajari oleh guru pelatih dalam meningkatkan kompetensi dan nilai tambah dalam kepada mereka.

Guru Personaliti

Melalui kajian Syafiqah Solehah dan Tengku Sarina Aini (2017) menjelaskan bahawa permasalahan yang menjadi cabaran kepada Guru Pendidikan Islam dalam membentuk personaliti dan sahsiah pelajar adalah keperluan yang mendesak bagi menjadikan guru Pendidikan Islam mempunyai kopetensi yang tinggi dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan memahami aspek-aspek personaliti Islam secara sebenar.

III. METODE

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji memilih reka bentuk kajian tinjauan kerana pengutipan data hanya dibuat sekali dalam jangka masa yang telah ditetapkan iaitu kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik (Gay & Airisian, 2000). Selain itu kelebihan kaedah kajian ini adalah ia tidak melibatkan manipulasi eksperimen dan hasil kajian boleh digeneralisasikan untuk julat individu yang luas (Levinn dan Fox, 2007). Kajian tinjauan berfungsi dalam mengukur semua pemboleh ubah yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa atau keadaan tanpa menyoal serta mendapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada respondan untuk analisis kajian (Elangkumaran 2009).

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam memastikan kajian ini mencapai objektif yang dirancang, pengkaji telah memilih sasaran populasi untuk dicadangkan dalam kajian ini. Ini bertepatan dengan pandangan Sugiyono (2011) yang menjelaskan bahawa populasi sasaran diperlukan dalam mengenalpasti perkaitan antara pemboleh ubah yaang dikaji. Justeru itu, kajian ini memilih populasi daripada Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) pada tahun 2021 yang berjumlah 36,161 orang di seluruh Malaysia. Memandangkan kajian ini berskala besar, pengkaji telah merujuk Krejcie dan Morgan (1970) bagi penentuan saiz sampel kajian ini. Dari itu, pengkaji telah memilih sejumlah 104 orang GPI KAFA dalam kajian rintis.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan bertujuan bagi menilai sejauh mana sesuatu instrumen yang akan digunakan boleh menguji apa yang sepatutnya diuji (Mohd Aderi 2008; Ghazali & Sufean, 2018). Justeru itu instrumen kajian ini telah dikemaskini melalui kesahan pakar yang terdiri daripada pakar dalam pengurusan dasar, bidang pendidikan Islam, bidang penyelidikan dan bahasa.

Kebolehpercayaan dilaksana melalui kaedah Cronbach di mana item-item yang memiliki nilai korelasi yang tinggi dengan skor indeks ujian iaitu pada aras 0.70 ke atas akan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Majid 1994). Analisis kaedah cronbbach boleh dilaksana dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS).

Jadual 1 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai Cronbach Alpha
SangatTinggi	>0.9
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 < 0.69
Rendah	0.30

Sumber: Babbie (1992)

Berdasarkan hasil analisis nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik kajian yang telah digunakan, menerangkan hasil sebagaimana yang dinyatakan pada jadual 2.

Jadual 2: Keputusan Nilai Alpha Cronbach

Kontruk	Nilai Cronbach Alpha	Indikator
Permulaan Pengajaran	0.954	SangatTinggi
Perkembangan Pengajaran	0.951	SangatTinggi
Penutup Pengajaran	0.955	SangatTinggi
Perancangan	0.957	SangatTinggi
Kaedah Penyampaian	0.951	SangatTinggi
Kawalan Bilik Darjah	0.952	SangatTinggi
Motivasi	0.952	SangatTinggi
Komunikasi Lisan	0.951	SangatTinggi
Komunikasi Bukan Lisan	0.951	SangatTinggi
Penampilan	0.960	SangatTinggi
Pengucapan	0.954	SangatTinggi
Tingkah Laku	0.952	SangatTinggi

Jadual 2 menunjukkan bahawa nilai indeks konstruk item kukuh dengan nilai Alpha Cronbach antara 0.951 hingga 0.960. Manakala nilai nilai Alpha Cronbach keseluruhan adalah 0.948 dan menunjukkan nilai yang sanga. Ini bermakna dengan nilai yang sangat tinggi serta diterima untuk digunakan dalam kajian sebenar.

IV. HASIL

Profil Responden

Profil responden dalam kajian ini menerangkan maklumat demografi berkenaan jantina dan pengalaman mengajar GPI KAFA. Seramai 90 orang (86.5%) adalah GPI perempuan manakala 14 orang GPI (13.5%) adalah lelaki. Analisis juga dilaksana kepada responden berkaitan tempoh pengalaman mengajar mereka. Bermula dari GPI KAFA yang baru berkhidmat serta berpengalaman

mengajar selama 4 tahun (n = 14; 13.5%). Kumpulan responden kedua adalah pengalaman 5 hingga 10 tahun (n = 17; 16.3%). Jumlah tertinggi GPI KAFA yang berpengalaman mengajar dari 11 hingga 15 (n = 35; 33.7%). Kumpulan GPI KAFA pengalaman 16 hingga 20 tahun (n = 23; 22.1%). Manakala tempoh pengalaman 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun, masing-masing berkongsi dengan jumlah serta peratus yang sama iaitu (n = 7; 6.7%). Walaubagaimanapun pengalaman GPI dari 31 hingga 35 tahun hanya diwakili oleh seorang respondengan dengan 1%.

Jadual 3: Profil Responden Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar.

Sub konstruk	Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	14	13.5
	Perempuan	90	86.5
Pengalaman Mengajar	0-4	14	13.5
	5-10	17	16.3
	11-15	35	33.7
	16-20	23	22.1
	21-25	7	6.7
	26-30	7	6.7
	31-35	1	1.0

Analisis Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan dapatan dari empat konstruk amalan pedagogi pengajaran dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Min yang diperolehi akan ditafsirkan (Creswel, 2009) menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Nunally (1978) seperti di Jadual 3.

Jadual 4: Interpretasi Min Nunally (1978)

Skor Min	Interpretasi	Singkatan
4.01-5.00	Tinggi	T
3.01-4.00	Sederhana Tinggi	SDT
2.01-3.00	Sederhana Rendah	SDR
1.01-2.00	Sangat Rendah	SR

Tahap amalan pengajaran GPI KAFA

Dapatan menunjukkan skor min tertinggi bagi amalan pengajaran GPI KAFA ialah skor min 4.93 bagi item B2 iaitu ‘saya memulakan pengajaran KAFA dengan bacaan doa’ dan skor min terendah adalah 3.93 bagi item B6 iaitu ‘Saya melaksanakan set induksi setiap kali sebelum memulakan pengajaran’. Secara keseluruhannya bagi amalan pengajaran dalam kalangan GPI KAFA adalah skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.53.

Tahap Kemahiran Pengajaran GPI KAFA

Dapatan menunjukkan skor min tertinggi bagi kemahiran pengajaran GPI KAFA ialah skor min 4.63 bagi item C20 iaitu 'saya memastikan diri saya bersemangat dan bersedia setiap kali pengajaran KAFA' dan skor min terendah adalah 3.63 bagi item C18 iaitu 'saya memegang bahu murid untuk menarik perhatian murid (iaitu menyentuh untuk sesama jantina sahaja)'. Secara keseluruhannya bagi kemahiran pengajaran dalam kalangan GPI KAFA adalah skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.27.

Tahap Kemahiran Komunikasi GPI KAFA

Dapatan menunjukkan skor min tertinggi bagi kemahiran komunikasi GPI KAFA ialah skor min 4.70 bagi item d1 iaitu 'saya menyampaikan pengajaran dengan bahasa yang mudah difahami' dan skor min terendah adalah 4.13 bagi item D7 iaitu 'Saya mengaplikasi unsur kecindaan (jenaka) dalam pengajaran'. Secara keseluruhannya bagi kemahiran komunikasi dalam kalangan GPI KAFA adalah skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.47.

Tahap Personaliti GPI KAFA

Dapatan menunjukkan skor min tertinggi bagi personaliti guru GPI KAFA ialah skor min 4.88 bagi item E4 iaitu 'saya mengamalkan pemakaian patuh syariah' dan skor min terendah adalah 4.29 bagi item E16 iaitu 'Saya menegur rakan sejawat yang melakukan kesalahan secara berhemah'. Secara keseluruhannya personaliti guru dalam kalangan GPI KAFA adalah skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.69.

V. PEMBAHASAN

Secara keseluruhan, konstruk pertama iaitu amalan pengajaran menunjukkan skor min yang berada pada tahap tinggi iaitu min 4.53. Ini menunjukkan amalan pengajaran GPI KAFA seperti memulakan pengajaran dengan bacaan doa merupakan amalan yang sentiasa diamalkan guru sebelum memulakan pengajaran. Walaubagaimanapun terdapat sebilangan guru kurang melaksanakan set induksi sebelum memulakan pengajaran. Biarpun dengan jumlah yang sedikit tetapi ia tetap memberi kesan kepada pengajaran GPI KAFA. Kajian Wan Ali Akbar et al., (2021) guru bukan hanya berperanan sebagai pembimbing serta role model kepada murid. Tetapi guru juga perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab kerjaya dengan efektif. Perkara ini juga diperjelaskan dalam Kajian JAKIM (2016) berkenaan Profesionalisme GPI KAFA dan Keberkesanan Pendidikan KAFA. Ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran GPI KAFA perlu dipertingkatkan melalui latihan pedagogi bagi memberi kefahaman kepada mereka bahawa permulaan, perkembangan dan penutup memberi kesan kepada amalan pengajaran yang berkesan.

Dapatan kajian berkenaan kemahiran pengajaran menunjukkan skor min berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.27. Kemahiran pengajaran seperti memastikan diri sentiasa bersemangat serta bersedia setiap kali sesi pengajaran merupakan nilai positif yang perlu di contohi oleh rakan sejawat yang lainnya. Walaubagaimanapun, aspek sosial iaitu memegang bahu murid sesama jantina untuk menarik perhatian meraka kurang dipraktikkan oleh GPI KAFA. Ini menunjukkan bahawa GPI KAFA perlu meningkatkan kemahiran sosial dalam pengajaran agar aspek ini dapat membantu dalam meningkatkan hubungan sosial antara guru dan murid ketika dalam pengajaran

dan pembelajaran. Kemampuan Guru dalam mempelbagaikan kemahiran pengajaran dapat mempertingkatkan keupayaan murid dalam belajar dengan mengikut kemudahan dan murid (Norehan & Mahaliza, 2021). Di samping itu, kaedah penyampaian dan motivasi berperanan penting dalam memperkasa pedagogi pengajaran (Lau Yeo Feng et al., 2021). Hal ini menjelaskan bahawa kemahiran pengajaran GPI KAFA perlu dipertingkatkan dan penerapan kecekapan social (social intelligence) perlu diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan KAFA.

Dapatan kemahiran komunikasi pula menunjukkan skor min juga berada pada tahap tinggi iaitu 4.47. Pengajaran GPI KAFA dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami memberi nilai min tertinggi iaitu 4.70 manakala kurang mengaplikasi usur jenaka dalam pengajaran menerima nilaian min 4.13. Ini menunjukkan aspek-aspek yang melibatkan komunikasi lisan atau bukan lisan memberi kesan dalam aspek pengajaran. Dapatan ini disokong dengan kajian Nurul Izzati et al. (2021) yang menjelaskan bahawa GPI perlu mempertingkat kemahiran komunikasi agar sesi pengajaran guru akan lebih berkesan. Ini termasuklah aspek kecindaaan atau unsur jenaka yang diaplikasi oleh guru telah berjaya mewujudkan keseronokan, menarik minat serta fokus murid dalam pembelajaran (Cyrene & Minah Sintian, 2019). Ini menunjukkan bahawa selain dapat menyelitkan unsur jenaka, GPI KAFA juga perlu bertenaga (enegatic) agar sentiasa ceria dan bersemangat dalam setiap sesi pengajaran yang dijalankan.

Dapatan keseluruhan personaliti guru menunjukkan skor min juga berada pada tahap tinggi iaitu 4.69. Pemakaian GPI KAFA yang patuh syariah memberikan nilai min tertinggi iaitu 4.88 manakala amalan memberi teguran secara berhemah kepada rakan sekerja melakukan kesalahan berada pada nilai 4.29. GPI KAFA perlu memperlihatkan personaliti yang menarik serta menjadi contoh teladan yang baik bukan sahaja dalam kalangan rakan sejawat malah kepada murid KAFA. Ini amat bertepatan dengan peranan GPI KAFA sebagai guru agama yang mengajar perintah dan larangan dalam Islam. Antara ciri GPI KAFA yang boleh dijadikan contoh ikutan adalah role model ialah seperti berakhlak mulia, memiliki tingkah laku serta penampilan baik, bertutur dengan kata-kata yang sopan, ikhlas dan sentiasa menghormati orang lain (Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini, 2013; Razila Kasmin, 2019). Ahmad Zaharuddin Sani (2015) pula menegaskan bahawa dalam situasi untuk menegur kesalahan perlulah beradab dan berhemah kerana ia bertujuan menjaga rakan yang ingin ditegur. Oleh yang demikian, kecekapan sosial (Abu Ghuddah, 1997) sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW amat penting untuk dicontohi dan dipelajari.

VI. KESIMPULAN

Secara Keseluruhannya, Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA) berperanan penting dalam menjadi membina genarasi celik al-Quran dan berilmu dalam diri murid Islam di Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa GPI KAFA telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik. Ini dilihat melalui dapatan dari konstruk-kontruk yang dijelaskan dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, pemerkasaan dalam beberapa aspek perlu diambil perhatian seperti kemahiran pedagogi pengajaran yang merujuk kepada teori dan model pengajaran daripada ilmuan Islam serta aspek kecekapan sosial (social intelligence) dalam pengajaran. Dari itu, kajian ini diharap memberi impak positif kepada GPI KAFA untuk meningkatkan daya usaha mendidik generasi Muslim yang berilmu, beramal dan berakhlak mulia.

VII. REFERENSI

[1] Abu Ghuddah, Abd. Fattah. (1997). Ar-Rasul al-Muallim wa Asalibuhu fi at-Ta'lim, Mendidik Gaya Rasulullah. Terjemahan Syuhahak Mahmud.Cetakan Kedua 2020. Terbitan: Galeri ilmu Sdn. Bhd.

[2] Ahmad Zaharuddin Sani. (2015). Menegur Biar Tertib, Beradab. BH Online. https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/77116/menegur-biar-tertib-beradab. Dirujuk pada 30 Disember 2021.

[3] Amjad M. Hussain. (2021). Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2021 (ICSSH 2021). Fakulti Sains Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

[4] Ashari, R., Syam, A. R., & Budiman, A. (2017, November). The World Challenge of Islamic Education Toward Human Resources Development. In *Proceeding of International Conference on Islamic Education (ICIED)* (Vol. 2, No. 1, pp. 169-175).

[5] Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

[6] Atan Long. (1983). Pedagogi Kaedah Am Mengajar. Amiza Publishing Sdn Bhd: Petaling Jaya. Cetakan kelima.

[7] Chua, Y.P. (2014). Kaedah penyelidikan. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

[8] Creswell. (2009). Research Design: Quantitative, Qualitative and Mixed Method Approaches. (Third Edition), Pearson.USA.

[9] Cyrene Riman Junis & Minah Sintian. (2019). Unsur Jenaka Dalam Pengajaran Bahasa Kadazandusun: Satu Pengenalan. Universiti Pendidikan Sultan Idris. https: //www.researchgate.net/ publication/ 333601703. Dirujuk pada 24 Disember 2021.

[10] Esah Sulaiman. (2014). Pengenalan Pedagogi. Penerbit UTM, 2004. Universiti Teknologi Malaysia.

[11] Elangkumaran Davarajoo. (2009). Hubungan antara kepimpinan pengajaran guru besar dengan komitmen kerja dan kepuasan kerja guru sekolah rendah di zon Tanjung Karang. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

[12] Estiningsih, D., Laksana, S. D., Syam, A. R., & Ariyanto, A. (2022, December). Application of Positive Discipline in Children to Reduce Parenting Stress During Pandemic. In 3rd Borobudur International Symposium on Humanities and Social Science 2021 (BIS-HSS 2021) (pp. 972-980). Atlantis Press.

[13] Fadhli, M., Sukirman, S., Ulfa, S., Susanto, H., & Syam, A. R. (2022). Gamifying Children's Linguistic Intelligence With the Duolingo App: A Case Study From Indonesia. *In Research Anthology on Developments in Gamification and Game-Based Learning* (pp. 1402-1415). IGI Global.

[14] Gay, L.R. & Airasian, P. (2003). Educational Research: Compentencies for Analysis and Study Applications. Seventh Edition. Upper Saddle River, NJ: Merrill-Prentice Hall.

[15] Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2018). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis kajian. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

[16] Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said. (2019). Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC). Universiti Malaysia Pahang. Issue 6, Vol 1 Disember 2019. Hlm. 8-17.

[17] Hamka, M. B., Syam, A. R., & Ikhwan, A. (2022). Pendidikan Berbasis Nilai-Nilai Profetik Dalam Pemikiran Buya Hamka. *Katalog Buku STAI Muhammadiyah Tulungagung*, 1-91.

[18] Hikmasari, D. N., Susanto, H., & Syam, A. R. (2021). Konsep Pendidikan Karakter Perspektif Thomas Lickona dan Ki Hajar Dewantara. *AL-ASASIYYA: Journal Of Basic Education, 6*(1), 19-31.

[19] Hiryanto. (2017). Pedagogi, Andragogi Dan Heutagogi Serta Implikasinya Dalam Pemberdayaan Masyarakat. Dinamika Pendidikan Volume xxii. No.1 Mei 2017. Hlm. 65-71.
[20] Ikhwan, A., Febriansyah, F. I., & Syam, A. R. (2022). Metode Demonstrasi dalam Peningkatan Motivasi Belajar Tilawatil Qur'an. *Jurnal Pendidikan Nusantara, 1*(2), 100-110.
[21] Jabatan Ketua Audit Negara. (2014). Kajian Keberkesanan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).
[22] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2014). Laporan Tahunan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) 2014. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
[23] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Kajian Profesionalisme Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).
[24] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). Laporan Tahunan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) 2016. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
[25] Kamarul Azmi Jasmi, Kamaluddin Abd. Rahman, Azhar Muhammad, Mohd Ismail Mustari & Muhamad Faiz Ismail. (2012). Pembinaan Hubungan Baik antara Guru dengan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam. [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 319-329. ISBN 99917-44-89-4.
[26] Lau Yeo Feng, F., Guek Fen, K., Phau Liang, K. & Huoy Shin, L. (2021). Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM. Vol. 11, Bil. 1 (Mei 2021). Hlm. 57-74.
[27] Levin J. & Fox J.A. (2007). Elementary Statistic in School Science Research. (2nd Edition. Ne York: Allyn and Bacon.
[28] Mawil Izzidien. (2021). Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2021 (ICSSH 2021). Fakulti Sains Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
[29] Mohd Aderi Che Noh. (2008). Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Dan Pencapaian Tilawah Al-Quran Murid Tingkatan Dua Di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
[30] Mohd Majid Konting. (1994). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kemeterian Pendidikan Malaysia.
[31] Norehan Binti Mohd Nasir & Mahaliza Binti Mansor. (2021).Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Isu 7. Hlm. 416 – 421.
[32] Noornajihan Jaafar dan Ab. Halim Tamuri. (2012). Pedagogi Rasulullah S.A.W. Dalam Pengajaran. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 pada 3-6 Julai 2012 bertempat di Hotel Royale Bintang Seremban, anjuran IPG Kampus Pendidikan Islam Zon Tengah.
[33] Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul & Harun baharudin. (2019). Kemahiran Komunikasi Bukan lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen dalam Pengajaran Bahasa Arab. Malaysia Online Journal of Education. Vol. 3, No.2 (2019). Hlm. 1-10.
[34] Nurul Izzati Ahmad Radzi, Harun Baharudin & Mohd Khalid Mohamad Nasir. 2021. Strategi Kemahiran Komunikasi dalam Pengajaran Bahasa Arab. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE), 1(3). Hlm. 48-56.
[35] Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebanggsaan. Journal of Management and Operation Research 2019, Vol. 1, No. 4.

[36] Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussien, Madihah Khalid & Rosemaliza Kamalludeen. (2018). Aplikasi Pedagogi Hikmah bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21. Jurnal Pendidikan Malaysia 43(2)(2018). Hlm. 37-47.

[37] Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2017). Permasalahan dan Cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Membentuk Personaliti Dan Akhlak Pelajar: Satu Analisis Secara Kritis. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Hlm. 277-290.

[38] Subandi, S. P., Iman, N., & Syam, A. R. (2022). Dampak Kecanduan Game Online Terhadap Pendidikan Anak. *Al Kamal, 2*(1), 243-243.

[39] Sugiyono. (2011). Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R & D. Bandung: Alfabeta.

[40] Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia. (1996). Laporan Kajian Keberkesanan Program KAFA. Jabatan perdana Menteri. Julai 1996.

[41] Universiti Putra Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2002). Keberkesanan Program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). Februari 2002.

[42] Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J). Volume 4 (1) January 2021. Hlm. 63-74.

[43] Zain, Z. N., Laksana, S. D., & Syam, A. R. (2022). Strategi pengasuh dalam meningkatkan kemandirian anak asuh di Panti Asuhan. *Journal of Islamic Education and Innovation*, 64-70.